

# 'Perangi habis-habisan buli dalam institusi pendidikan'

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, budaya buli dalam institusi pendidikan tidak boleh dipandang ringan dan mesti diperangi dengan tekad yang sama seperti membanteras rasuah dan dadah kerana ia merosakkan nilai, identiti serta budaya pendidikan negara.

Perdana Menteri berkata, tugas mendidik yang dipikul warga pendidikan termasuk Kementerian, penjawat awam dan pendidik adalah amanah yang sangat berat kerana ia membentuk manusia, keluarga, masyarakat serta masa depan negara dan kemanusiaan sejagat.

Katanya, dalam fahaman agama sendiri, tugas mendidik disifatkan sebagai tugas yang murni, justeru sebarang amalan yang merosakkan nilai terbabit tidak boleh ditolak ansur.

"Sebab itu jangan tolak ansur kepada apa-apa ciri yang merosakkan nilai ini. Budaya buli yang membabitkan segolongan kecil, tapi kadang-kadang diambil ringan oleh pendidik.

"Kita mesti ada tekad seperti mana kita perangi rasuah, kita perang dengan dadah, kita harus perang dengan amalan buli yang merosakkan identiti dan budaya itu sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi taklimat selepas Majlis Peluncuran Rancangan Pendidikan Negara 2026-2035 yang disempurnakan Perdana Menteri semalam.

Anwar menegaskan, sebarang amalan kemalasan dan kerosakan perlu dibanteras kerana matlamat utama pendidikan adalah membentuk insan yang berakhlak dan bernilai.